



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 43/2024

PERTANDINGAN LOMPAT TALI TERBUKA KBS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024 MENYEMARAKKAN PEMBANGUNAN SUKAN UNTUK SEMUA

1. **Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh** telah menyempurnakan **Majlis Penutup Pertandingan Lompat Tali Terbuka KBS Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** bertempat di **IOI City Mall, Putrajaya** hari ini.
2. Pertandingan ini merupakan inisiatif **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dengan kerjasama **Persekutuan Lompat Tali Malaysia** khusus untuk **memperkasakan pembangunan sukan untuk semua** terutamanya di peringkat akar umbi.
3. Dengan mengangkat **Gaya Hidup Rakan Muda** iaitu **Rakan Aktif**, penganjuran pertandingan adalah bertujuan untuk:
 - 3.1 memperkasakan **pembangunan sukan untuk semua** terutamanya melibatkan disiplin kecergasan termasuklah lompat tali seterusnya melahirkan bakat baharu untuk mewakili negara;
 - 3.2 mendedahkan peserta dan pengunjung mengenai **kepentingan mengamalkan gaya hidup aktif dan cergas** di samping memupuk disiplin yang tinggi menerusi penglibatan dalam acara lompat tali;
 - 3.3 memperkukuh semangat **perpaduan dan persefahaman** antara peserta, penggiat dan peminat sukan menerusi penganjuran program, aktiviti dan acara sukan;
 - 3.4 menghimpunkan **pemegang taruh sukan negara** terutamanya dalam kalangan komuniti lompat tali untuk sama-sama berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan peserta dan pengunjung serta menarik minat masyarakat kepada sukan ini; dan

3.5 merancang **industri sukan negara** melalui penganjuran program dan acara sukan.

4. Sebanyak **186 pasukan merangkumi 1,300 orang peserta** dari seluruh negara telah menyertai pertandingan ini dengan perincian kategori seperti berikut:

BIL	KATEGORI	PERGERAKAN WAJIB
1.	Lompat Tali Berirama (Berkumpulan)	<ul style="list-style-type: none">• Single Rope Skills;• Partner Skills;• Long Rope;
2.	Lompat Tali Prestasi Tinggi (Individu)	<ul style="list-style-type: none">• Multi Rope; dan• Double Dutch.

5. Penganjuran pertandingan ini diyakini dapat menyumbang kepada **pemerkasaan pembangunan sukan** untuk semua seiring dengan kerangka **Malaysia MADANI** dan **Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)**.
6. Sejak tahun 2023, KBS telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM 90 ribu di bawah Geran Padanan Sukan dan Dana Sukan Komuniti** kepada persatuan sukan yang terlibat dalam pembangunan sukan lompat tali di **peringkat kebangsaan, negeri dan komuniti**.
7. Selain itu, YB Menteri Belia dan Sukan turut menyempurnakan penyerahan **Jalur Gemilang** kepada **pasukan Lompat Tali Malaysia** yang akan menyertai **Kejohanan Lompat Tali Asia 2024** bertempat di **Kawasaki, Jepun** bermula **24 hingga 28 Julai 2024**.
8. Majlis ini turut dihadiri oleh **Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) JBSN, YBrs. Encik Abd Aziz Abd Rahman**. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penganjuran kejohanan ini, sila hubungi JBSN melalui talian **03-8871 3245** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
21 Julai 2024**